

BAB 2: PERKEMBANGAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN INDIA DI PERINGKAT NEGERI

Dewan-dewan perniagaan merupakan sebuah gerakan dunia yang bergerak dari bandar-bandar kecil hingga kebangsaan dan ke peringkat antarabangsa. Dewan-dewan perniagaan telah diiktiraf oleh kerajaan sebagai satu langkah positif untuk memajukan perniagaan dan perdagangan. Di negara-negara yang terdapat dewan-dewan perniagaan, ia dianggap mempunyai pengaruh dalam kerajaan dalam perkara yang berkaitan dengan perdagangan dan perindustrian.

Peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang terlibat dalam persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang berkait rapat dengan kepentingan dan lapangan mereka memang telah wujud sejak dahulu lagi. Pergerakan persatuan peniaga yang dikenali sebagai Dewan Perniagaan telah bermula di Barat sejak abad ke-16 lagi. Pertubuhan Peniaga yang mula guna nama ‘Dewan Perniagaan’ telah ditubuhkan di Marseilles pada tahun 1599.¹ Dewan itu dibentuk oleh Majlis Perbandaran Marseilles dan ianya dikenali dengan nama ‘*Le Chambre du Commerce*’. Di kalangan negara-negara Eropah, Perancis merupakan negara yang pertama yang menubuhkan dewan perniagaan. Dewan Perniagaan ini disamping bertindak untuk memperjuangkan matlamat golongan peniaga-peniaga, ia juga merupakan suatu badan tambahan kepada sistem pemerintahan di Perancis sendiri.²

Perkembangan dan kepesatan kemajuan Dewan ‘*Le Cambre Du Commerce*’ ini membawa kepada pembentukan beberapa buah dewan perniagaan lain di Perancis. Perkembangan dewan-dewan perniagaan di Perancis ini seterusnya membawa kepada penubuhan dewan-dewan di negara-negara Eropah yang lain dan juga Amerika. Di Britain dewan perniagaan yang mula-mula dibentuk ialah *Isle of Jersey* dalam tahun 1786.³ Tetapi Dewan ini bersifat sukarela. Ia bukan bertindak sebagai sebuah badan

kerajaan seperti di Perancis tetapi ia memainkan peranan sebagai sebuah badan yang dapat mendesak dan mempengaruhi kerajaan dalam usahanya untuk memperjuangkan kepentingan golongan peniaga dan pedagang.

Di Tanah Melayu idea pergerakan dewan perniagaan telah dibawa masuk oleh penjajah British. Dewan perniagaan yang pertama ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1837 yang dikenali dengan nama Dewan Perniagaan dan Pertanian Pulau Pinang. Pada mulanya Dewan ini dianggotai oleh pedagang-pedagang, peniaga-peniaga dan peladang-peladang Eropah, Arab, Cina dan India.⁴ Selain di Pulau Pinang, dewan perniagaan juga ditubuhkan di Selangor pada tahun 1908 dan di Perak pada tahun 1911. Pada 1 Julai 1916, Dewan Perniagaan Selangor dan Perak digabungkan dan diberi nama Dewan Perniagaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*The Federated Malay States Chamber of Commerce*).⁵ Pulau Pinang juga menjadi tempat pengasas kepada penubuhan Dewan Perniagaan India di Tanah Melayu.

Di Tanah Melayu, walaupun peniaga-peniaga India terlibat dalam semua jenis perniagaan, iaitu dari kecil-kecilan seperti penjual roti kepada perdagangan-perdagangan antarabangsa tetapi sebelum pembentukan Dewan-dewan Perniagaan India (DPI), tidak wujud kerjasama di antara peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar India. Kebanyakan peniaga India di Tanah Melayu tidak suka menjalankan perniagaan, perdagangan dan perindustrian secara besar-besaran dengan cara perkongsian kerana lebih suka menjalankan perniagaan secara persendirian.⁶

Kesedaran di kalangan peniaga-peniaga India untuk tubuhkan DPI timbul apabila mereka menyedari bahawa kerjasama di antara para peniaga India amat penting untuk bersaing dengan peniaga-peniaga Eropah dan Cina. Selepas Perang Dunia Pertama dan pada masa kemelesetan ekonomi (1929-1933), peniaga-peniaga khasnya peniaga-peniaga India mengalami kemerosotan dalam perniagaan mereka. Pada masa itu mereka menyedari

kepentingan penubuhan DPI bagi menjaga kepentingan golongan peniaga India dan mengwujudkan kerjasama di kalangan peniaga India. Selain itu peniaga-peniaga India juga ingin menubuhkan DPI bagi memajukan perniagaan dan perdagangan mereka. Dengan adanya DPI, mereka dapat membesarluaskan perniagaan serta dapat melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa. Masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga India dengan pihak kerajaan dapat diselesaikan dengan adanya DPI. Para peniaga India dengan mempertimbangkan kelebihan-kelebihan penubuhan DPI telah mula menubuhkan di negeri masing-masing.

Para peniaga India juga mendapat dorongan untuk menubuhkan DPI dengan melihat peniaga-peniaga Cina. Peniaga-peniaga Cina mempunyai persatuan-persatuan mereka bukan sahaja di bandar-bandar besar tetapi juga bandar-bandar kecil juga. Melalui pertubuhan-pertubuhan dan dewan-dewan perniagaan, orang Cina menjadi golongan peniaga yang kedua terbesar selepas orang Eropah yang memainkan peranan penting dalam perniagaan dan perdagangan di Tanah Melayu, sama ada peringkat dalaman atau peringkat antarabangsa. Oleh itu peniaga-peniaga India mencontohi orang Eropah dan Cina dan mula menubuhkan pertubuhan-pertubuhan atau dewan-dewan perniagaan India di Tanah Melayu bagi menjaga kepentingan perniagaan mereka.

Sebagaimana telah dibincangkan golongan peniaga atau saudagar India di Tanah Melayu terdiri daripada orang Chettiar, orang Tamil, orang Chulia India Muslim (Marakkayar atau Malabar Muslim), orang India Utara (Gujerati, Sindhi, Sikh) dan sebagainya. Golongan Chettiar telah mendirikan dewan perniagaan mereka sendiri di Tanah Melayu. Pada tahun 1920an di bandar-bandar penting telah ditubuhkan Dewan Perniagaan Chettiar. Mula-mula ditubuhkan di Kuala Lumpur, Kelang, Seremban, Ipoh kemudian di Singapura.⁷ Gabungan Dewan Perniagaan Chettiar Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) telah ditubuhkan pada tahun 1931.⁸ Selain golongan

Chettiar, peniaga-peniaga India yang lain menu buhkan dewan-dewan perniagaan India bagi menjaga kepentingan mereka.

Dewan Perniagaan India merupakan satu dewan yang boleh dianggotai oleh semua orang keturunan India tanpa mengira kasta, bahasa, daerah mereka berasal, agama dan sebagainya. Dalam perbincangan ini DPI sahaja akan dibincangkan secara mendalam. Dewan- dewan Perniagaan India yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah DPI Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Melaka dan perkembangannya sehingga tahun 1957, iaitu sehingga Tanah Melayu merdeka.

Dewan Perniagaan India Pulau Pinang

Dewan Perniagaan India Pulau Pinang (DPIPP) adalah DPI yang tertua sekali ditubuhkan di Tanah Melayu. DPIPP ditubuhkan sekitar awal tahun 1920an. Tarikh atau tahun yang tepat tidak dikenalpasti kerana rekod-rekod tentang dewan ini telah musnah semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Bruce Gale dalam bukunya "*A 150 Year History of Malaysian International Chamber of Commerce and Industry*" menyatakan tahun penubuhan DPIPP ialah 1926.⁹ Dewan ini ditubuhkan oleh sekumpulan pedagang terkemuka keturunan India di Pulau Pinang dan Seberang Prai terutamanya mereka yang berasal dari India Barat yang bergiat aktif dalam perdagangan import dan eksport pelbagai komoditi. Pedagang-pedagang ini boleh dikatakan telah memonopoli perdagangan bawang, kekacang, rempah, beras dan tekstil serta import dan eksport buah pinang dan rempah-rempah tempatan.

Peniaga-peniaga India Pulau Pinang secara individu telah dapat menjalankan perdagangan mereka dengan baik. Walau bagaimanapun mereka perlukan sebuah pertubuhan yang dapat menyatukan para peniaga India di Pulau Pinang dan melantik sekumpulan wakil mereka bagi memelihara dan melindungi kepentingan serta kebajikan peniaga-peniaga India di kawasan

Pulau Pinang dan Seberang Prai. Dewan Perniagaan India Pulau Pinang juga ditubuhkan supaya wakil-wakil mereka dapat menganggotai badan-badan kerajaan mewakili mereka. Dengan cara ini kebaikan mereka akan lebih terjamin dalam urusan-urusan kerajaan. Selain itu dengan adanya DIPP mereka dapat memajukan lagi perdagangan dan perniagaan mereka dari kecil ke besar.

Saudagar-saudagar India seperti Purshottamdas Patel, Shivashanker Joshi dan Himatlal Bhatt sebagai rakan kongsi perniagaan (M/S *Purushottamdas & Co., di 68, King Street*) dan H.A.Tyebhan (*H.A.Tyebkhan & Co*) selalu berjumpa dan membincangkan tentang perniagaan mereka. Saudagar-saudagar inilah telah menubuhkan Dewan Perniagaan India Pulau Pinang (DIPP) di awal tahun 1920an dan dewan ini berfungsi dengan aktif sehingga Perang Dunia Kedua tercetus. Rekod-rekod tentang Dewan ini sebelum Perang Dunia Kedua yang di simpan di pejabat M/S H.A.Tyebkhan telah musnah semasa Pendudukan Jepun.¹⁰

Perlembangaan DIPP sebelum Perang Dunia Kedua telah digubal oleh pengasas-pengasas awalnya, iaitu H.E.Tyebkhan, P.V.Parekh dan Ratilal Narechanial dengan bantuan dua orang peguam, iaitu H.H.Abdoocader dan N.Raghavan. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 , beberapa orang saudagar-saudagar India Pulau Pinang, iaitu lebih kurang 18 orang termasuk H.E.Tyebkhan,PKT.J.P.,P.V.Parekh, Ambalal Patel dan N.T.Assomull telah memainkan peranan penting dalam memulihkan semula DIPP. H.E.Tyebkhan, PKT.J.P. telah dipilih sebagai presiden pertama DIPP selepas Perang Dunia Kedua.¹¹ Mesyuarat pertama Jawatankuasa Kerja telah diadakan pada 1 Ogos 1946 yang dipengerusikan oleh H.E.Tyebkhan J.P. Dalam mesyuarat agung pertama yang telah diadakan pada 6 September 1946, memilih N.T.Assomul selaku presiden sehingga 27 Julai 1949.¹² Bagi melicinkan pentadbiran, DIPP telah merangka

perlembagaan baru dan ia disemak semula dalam mesyuarat Agung khas pada 11 April 1949 dan diperbaharui pada 17 September 1969.¹³

Peranan terpenting DPIPP dalam proses pembinaan semula ialah membantu peniaga-peniaga mendapat bekalan tekstil yang tersekat sejak Perang Dunia Kedua. Antara tahun 1946 hingga 1960, ahli-ahli dewan ini telah bergiat aktif dalam menjalankan perniagaan dengan Indonesia, iaitu semasa berlaku konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia. Sebahagian besar perdagangan intrepot antara Pulau Pinang dengan negara-negara jiran telah dikendalikan oleh ahli-ahli dewan ini. Bagaimanapun disebabkan oleh faktor-faktor politik dan kehilangan status Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas menyebabkan perdagangan antarabangsa menjadi kurang. Ramai ahli-ahli dewan ini telah menceburi bidang-bidang lain seperti perniagaan, perkhidmatan, pengedaran dalaman dan sebagainya dan ada juga yang terlibat dalam industri pengeluaran.¹⁴

Dalam mesyuarat agung luarbiasa DPIPP pada 13 Mac 1962, telah diputuskan supaya Dewan ini harus memiliki bangunan sendiri dan sebidang tanah seluas 1,761 kaki persegi telah dibeli di Penang Street.¹⁵ A. Rajagopal PJK, H.E.Tyebkhan J.P. K.P.M.Abdul Majeed, Makhanlal Mahawar, Doraisamy Thevar J.P.K.K.Sharma, N.T.S.Arumugam Pillai, M.M.Amin dan J.N.Patel telah memainkan peranan penting dalam pengutipan wang bagi pembinaan bangunan dewan ini yang empat tingkat. Bangunan DPIPP telah dirasmikan oleh Yang Mulia Raja Tuan Uda Al.Haji Bin Raja Mohammad, gabenor Pulau Pinang.¹⁶ Di peringkat kebangsaan DPIPP telah memainkan peranan penting semasa pembentukan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India (*Associated Indian Chambers of Commerce & Industry*) yang ditubuhkan pada September 1950 bersama dengan dewan-dewan perniagaan lain.¹⁷ DPIPP telah menyambut Hari Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dengan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kemerdekaan dan kebesaran yang telah diadakan di Pulau

Pinang serta menyertai jamuan makan malam bersama gabenor Pulau Pinang.

18

Keahlian DPPIP dibuka kepada semua rakyat Tanah Melayu keturunan India yang terlibat dalam perniagaan, perdagangan, perindustrian dan rakan kongsi perniagaan di Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Objektif penubuhan DPPIP ialah untuk memenuhi pelbagai keperluan ahli-ahlinya. Di antara objektif-objektif yang utama ialah:¹⁹

- a) Memerhati, membimbing dan melindungi kepentingan umum perniagaan, perdagangan dan perindustrian di Tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang.
- b) Mengumpul dan mengedarkan kepada ahli-ahlinya semua maklumat yang berkaitan dengan kepentingan golongan saudagar dan memilih wakil-wakil yang sesuai bagi mewakili dewan ini dalam badan-badan kerajaan.
- c) Menyampaikan pandangan dewan ini tentang perniagaan, perdagangan dan perindustrian apabila diperlukan dan mengamalkan *code practice* dalam perniagaan bagi memudahkan urusniaga.
- d) Menerima pandangan dan bertindak bersetujuan.
- e) Pendamai antara pembantah-pembantah atau dewan menjadi orang tengah dalam menyelesaikan masalah antara ahli-ahlinya.

Objektif utama DPPIP ialah menjaga kepentingan dan melindungi saudagar-saudagar India yang terlibat dalam perniagaan, perdagangan dan perindustrian.

Oleh kerana rekod-rekod DPPIP sebelum Perang Dunia Kedua telah musnah, presiden-presiden DPPIP sebelum Perang Dunia Kedua tidak dikenalpasti tetapi presiden-presiden DPPIP selepasnya sehingga tahun 1957 adalah seperti berikut:

Jadual 3: Presiden dan Setiausaha Kehormat Dewan Perniagaan India Pulau Pinang dari tahun 1945 hingga 1958.

Tahun	Presiden	Setiausaha Kehormat
1945-1946	H.E.Thebkhan J.P.	—
1946-1947	N.T.Assomull	Trilok Singh
1947-1948	N.T.Assomull	Trilok Singh
1948-1949	N.T. Assomull	S.Ramachandran
1949-1950	Ambalall Patel	—
1950-1951	K.R. Assomull	—
1951-1952	Darsan Singh	P.G.S. Nair
1952-1953	H.E.Thebkhan J.P.	P.G.S. Nair
1953-1954	H.E.Thebkhan J.P.	P.G.S. Nair
1954-1955	H.E.Thebkhan J.P.	P.G.S. Nair
1955-1956	Gurcharan Singh	P.G.S. Nair
1956-1957	K.G.Shah	P.G.S. Nair
1957-1958	T.N.Sharma	M.Manickam

(-) Setiausaha kehormat tidak dikenalpasti.

Sumber: Golden Jubilee Souvenir, The Malaysian Indian Chamber of Commerce and Industry Penang 1976, Pulau Pinang: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Pulau Pinang, 1979.

Dewan Perniagaan India Pulau Pinang merupakan dewan perniagaan India yang tertua di Tanah Melayu serta ia menjadi perintis kepada penubuhan dewan-dewan perniagaan India yang lain. Ia juga telah memainkan peranan penting dalam kemajuan peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar India Pulau Pinang dan Seberang Prai secara khusus dan orang India secara am. Peranannya akan dibincangkan dalam bab lain.

Dewan Perniagaan India Selangor

Penubuhan Dewan Perniagaan India Selangor (DPIS) disebabkan kerana timbulnya kesedaran di kalangan pedagang-pedagang India Selangor bahawa mereka memerlukan sebuah badan atau organisasi bagi menjaga kebijakan, kepentingan dan hak mereka. Kesedaran ini timbul dengan melihat para pedagang kaum lain jauh lebih maju berbanding dengan pedagang-pedagang India. Kemajuan mereka disebabkan kerana mempunyai pertubuhan-pertubuhan atau dewan-dewan perniagaan di setiap bandar dan ia membantu memajukan perniagaan mereka.²⁰ Oleh itu pada masa kemelesetan ekonomi para peniaga India Selangor terdesak untuk menubuhkan dewan perniagaan mereka tersendiri. Dengan cara ini mereka dapat melindungi perniagaan serta memajukan perniagaan mereka.


Perbincangan tentang penubuhan Dewan Perniagaan India Selangor telah dibincang pada tahun 1928 oleh saudagar-saudagar India yang terlibat dalam perniagaan rempah, kain dan lain-lain komoditi.²¹ Pada mulanya Dewan Perniagaan India Selangor dinamakan sebagai Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor (*Selangor India Merchants Association*). Walaupun ia ditubuhkan pada tahun 1928 tetapi Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor (PSSIS) didaftarkan pada tahun 1930.²²

Seramai 100 orang peniaga -peniaga India telah menandatangani permohonan penubuhan PSSIS. Sivalingam Pillai (seorang peniaga di Kuala Lumpur) dan V.K. Sheikh Mohiyidin Rawther, mewakili para peniaga India telah mengadakan satu perjumpaan bagi para peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar India di Ampang Street, Kuala Lumpur. Mereka telah mengedarkan risalah-risalah bagi menjemput para peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar India di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Perjumpaan itu dihadiri oleh para peniaga-peniaga, saudagar-saudagar serta para jemputan lain, iaitu seramai 100 orang telah hadir.²³ Persekuturan bandar Kuala Lumpur pada tahun 1889 adalah seperti di peta yang disertakan.

Peta 1 : Bandar Kuala Lumpur pada tahun 1889.

KUALA LUMPUR & ENVIRONS

1889



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Perjumpaan ini telah dipengerusikan oleh Haji R.E. Mohamed Kassim. Dalam perjumpaan ini mereka menamakan pertubuhan mereka sebagai Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor (PSSIS) serta telah menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengubal perlombagaan bagi PSSIS. Jawatankuasa ini terdiri daripada Haji R.E. Mohamed Kassim sebagai pengurus dan setiausaha ialah A.Pakir Mohamed serta ahli-ahli jawatankuasa lain ialah K.E.Pakir Mohiddin, M.Peer Mohammad Rawther, K.N.Narasimha Iyengar, K.U.Haji Mohammad Ibrahim, R.A. Abdul Hamid, Neelakanda Ayer, M.S. Vadivelu, A. Mohamad Ali dan K. Jaluddin.²⁴ Dalam mesyuarat Agung perlombagaan baru telah dibincangkan dan diperbaiki sebelum diterima sebulat suara. Dalam Mesyuarat Agung pada hari tersebut seramai 48 orang peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar India telah menjadi ahli tetap PSSIS. Dalam Mesyuarat Agung tersebut telah dipilih ahli jawatankuasa yang baru. Presiden pertama ialah R.E.Mohamed Kassim, naib pengurus ialah K.E. Pakir Mohiyiddin, setiausaha kehormat ialah M.S. Vadivellu Pillai, Bendahari Kehormat ialah A. Mohamed Ali, dan lain-lain ahli jawatankuasa ialah Sivalingam Pillai, R.A.Abdul Hamid, Haji M. Peer Mohamed Rawther, Haji K.E. Mohamed Ali, K. Narishma Iyenger, S.K. Buharruddin, dan N.R. Narayanasamy.²⁵ PSSIS telah didaftarkan pada Oktober 1930 di Pejabat Pendaftaran Kuala Lumpur.²⁶

Presiden pertama PSSIS Haji R.E.Mohamed Kassim J.P. telah meninggal meninggal dunia pada 3 Julai 1931 dan pada 6 Ogos 1931, R.E.M. Sheikh Tauhid telah dipilih sebagai presiden baru.²⁷ Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor telah mempunyai pejabat sendiri yang disewa bagi ahli-ahlinya berkumpul untuk membaca terbitan-terbitan mengenai perdagangan yang disimpan dan diterbitkan oleh PSSIS dan juga untuk menyimpan dokumen-dokumen penting. Menjelang tahun 1932, PSSIS juga telah mempunyai pekerja-pekerja sendiri bagi menguruskan pejabat.

Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor bagi memajukan dan mengembangkan perdagangan dan perniagaan para ahlinya telah menerbitkan dan mengedarkan surat-surat pekeliling perdagangan, laporan-laporan pasaran, maklumat eksport dan import serta maklumat tentang kapal-kapal yang mengangkut barang. Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor telah mengedarkan segala maklumat perkembangan perdagangan kepada ahli-ahlinya.²⁸

Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor biasanya memperolehi pendapatan melalui yuran pendaftaran ahli-ahli, yuran tahunan, yuran perbincangan kes, derma dan sumbangan-sumbangan persendirian. Contohnya pendapatan dan perbelanjaan PSSIS dari tarikh ia ditubuhkan hingga 31 Disember 1931 ialah seperti di bawah:


Jadual 4: Pendapatan dan Perbelanjaan Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor dari tahun 1928 hingga 1931.

Pendapatan	Perbelanjaan
Yuran ahli-ahli baru - \$475.00	Terbitan risalah - \$ 50.00
Yuran tahunan - \$554.00	Pendaftaran dewan - \$10.00
Yuran penyelesaian kes - \$75.00	Membeli buku kira-kira dan peralatan tulis - \$226.50
Derma - \$ 130.00	Pos - \$ 16.28
Sumbangan Persendirian - \$ 75.00	Sewa bangunan - \$ 278.83
	Bil letrik dan cukai - \$23.00
	Perabot - \$119.83
	Lain-lain - \$141.50

Sumber : Akhbar Tamil Nesan , 23 Mac 1932.

Memandangkan nilai matawang pada masa itu rendah, perbelanjaan PSSIS boleh dikatakan tinggi juga pada masa itu.

Gambar 1: Ahli-ahli Dewan Perniagaan India Selangor pada tahun 1929.
Yang duduk di tengah ialah presiden yang pertama, Haji R.E.Mohammed Kassim.



Sumber: Risalah Perayaan Jubli Intan Dewan Perniagaan & Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor 1989, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan India Kuala Lumpur dan Selangor, 1989

Pada awal pernubuhan PSSIS, ramai peniaga dan saudagar India di sekitar Kuala Lumpur tidak menyertainya. Ini disebabkan kerana pada masa itu berlakunya kemelesetan ekonomi dan juga mereka kurang menyedari tentang kepentingan sebuah dewan perniagaan bagi menjaga kepentingan mereka.²⁹ Oleh itu bagi menarik lebih ramai ahli-ahli baru memasuki PSSIS, yuran pendaftaran dikurangkan kepada \$5.00 dan yuran tahunan sebanyak \$6.00. Yuran tahunan PSSIS boleh dibayar empat kali setahun atau tiga bulan sekali. Selain pengurangan yuran, ahli-ahli PSSIS digalakkan membawa seorang ahli baru.³⁰

Pada awalnya Dewan-dewan perniagaan India yang ditubuhkan di Tanah Melayu adalah Pertubuhan-pertubuhan Saudagar India dan ianya bukannya dinamakan sebagai dewan. Kesedaran di kalangan saudagar-saudagar India Selangor untuk menubuhkan dewan perniagaan telah ditimbulkan oleh Langkasundram, iaitu seorang pegawai dari India semasa lawatan beliau ke Tanah Melayu pada tahun 1933.³¹ Langkasundram telah mencadangkan kepada peniaga-peniaga India supaya mereka menubuhkan sebuah dewan perniagaan supaya perniagaan dan perdagangan dapat dijalankan dengan lebih lancar. Pada masa itu perdagangan antarabangsa memainkan peranan penting daripada perdagangan dalam negara. Oleh itu dengan pernubuhan dewan perniagaan, urusan perdagangan antarabangsa dapat dijalankan dengan lancar.

Pada tahun 1937 Dewan Perniagaan India Selangor (*Indian Chamber of Commerce*) telah ditubuhkan di Selangor dengan ahli-ahlinya lebih daripada 100 orang.³² Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor telah diserapkan dalam Dewan Perniagaan India Selangor (DPIS). Pernubuhan DPIS adalah bagi menjaga kepentingan peniaga-peniaga dan petani-petani India.

Antara objektif-objektif utama pernubuhan DPIS ialah,³³

- a) Menyatukan dan mengwujudkan kerjasama antara pedagang, peniaga dan saudagar India Selangor bagi menjaga kepentingan bersama.
- b) Mengumpul dan menganalisis maklumat-maklumat tentang perniagaan dan perdagangan yang membawa kebaikan dan keburukan.
- c) Membuat perhubungan dan perjanjian dengan kerajaan tempatan dan juga luar negara termasuk India.
- d) Memajukan kemudahan perhantaran atau pertukaran matawang bagi tujuan perdagangan serta mencegah keburukan yang akan menimpa dewan terutama ahli-ahlinya.
- e) Berhubung dengan semua pertubuhan-pertubuhan, individu-individu atau syarikat-syarikat yang mempunyai minat atau objektif yang sama.
- f) Menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di antara ahli-ahli, dewan-dewan perniagaan lain atau dengan orang-orang luar.
- g) Melakukan apa sahaja untuk mencapai objektif – objektif DPIS.


Semasa Pendudukan Jepun yang bermula Februari 1942 hingga Ogos 1945, DPIS terus berfungsi dalam keadaan huru-hara tersebut. Pemimpin-pemimpin DPIS seperti D.J.Doshi, Bhagwan Singh, dan S.M. Dass telah menjalankan pelbagai aktiviti serta memberikan bimbingan kepada peniaga-peniaga berkaitan tentang perdagangan, pengedaran makanan dan kain. Pihak berkuasa Jepun telah menggunakan dewan ini sebagai tapak pengedaran makanan dan lain sehingga pihak British menduduki semula Tanah Melayu.³⁴

Setelah pihak British kembali semula ke Tanah Melayu pada tahun 1945, DPIS telah didaftarkan semula dan perlembagaan baru yang disetujui oleh 114 ahli telah digubal. Pada masa itu DPIS terletak di alamat 49, Jalan Batu Road (sekarang Jalan Tunku Abdul Rahman), Kuala Lumpur. Pada tahun 1949, DPIS telah mencadangkan S.O.K.Ubaidulla sebagai wakil Dewan Perniagaan India dalam Majlis Perundangan Persekutuan (*Federal Legislative Council*). DPIS telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Gabungan Dewan-dewan Perniagaan India dalam tahun 1950an.³⁵


Pada 31 Oktober 1954, DPIS telah memutuskan untuk membeli sebuah tapak tanah bangunan di sekitar Batu Road dengan kos \$35,000.00 dan membina sebuah bangunan DPIS dalam kos \$90,000.00. Perbelanjaan bagi pembelian tanah dan bangunan telah dikutip dengan mengedarkan debentur (*debentures*) kepada ahli-ahli DPIS.¹⁶ Sebuah jawatan kuasa yang dianggotai oleh Ajit Singh, V.A. Mohamed Hussein, K.M. Kamaluddin, Prabhulal Doshi, V.P. Peer Mohamed dan Utumel telah diberikan kuasa untuk mencari tapak bangunan dan mendapatkan pinjaman bank sebanyak \$50,000.00 untuk pembinaan bangunan.

Pada tahun 14 Jun 1958 sebuah jawatankuasa kecil yang terdiri daripada Dyalchand, Prabhulal Doshi, J.M. Patel dan S.O.K.Ubaidulla telah ditubuhkan bagi mengutip atau wang bagi pembinaan bangunan DPSI. Dyalcahand telah memainkan peranan penting dalam pengutipan wang dan sebanyak \$5,421.00 telah dikutip daripada ahli-ahli sebagai pinjaman tidak berbunga. Pada tahun 1959, bangunan DPIS dengan kos \$123,667.00 yang mempunyai 4 tingkat telah didirikan di pusat bandar Kuala Lumpur.¹⁷

Gambar 2: Bangunan Dewan Perniagaan India Selangor yang dibina pada tahun 1959.



Gambar 3: Ahli-ahli Working Committee Dewan Perniagaan India Selangor pada 15 Februari 1948 semasa A.A.Mohammed Abdullah bersara.



Sumber Risalah Perayaan Jubli Intan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor 1989, Kuala Lumpur
Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, 1989

Presiden-presiden, setiausaha, ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahlinya telah memainkan peranan penting dalam perkembangan dan kemajuan DPIS. Dibawah diberikan senarai presiden-presiden dan setiausaha DPIS dari awal penubuhannya sehingga tahun 1957.

Jadual 5 : Presiden dan Setiausaha Kehormat Dewan Perniagaan India Selangor dari tahun 1928 hingga 1959.

Tahun	Presiden-presiden	Setiausaha Kehormat
1928-1931	Tuan Haji R.E. Mohamed Kassim	-
1931-1940	K.A. Peer Mohammed	-
1942-1944	C.J. Doshi	A. Muhammad
1944-1946	Bhagwan Singh	A. Muhammad
1946-1948	A.A. Abdullah	Gurbakah Singh Sambhi
1948-1949	Gurbaksh Singh Sambhi	R.K. Pannikkar
1950-1951	C.J. Doshi	R.K. Pannikkar
1951-1952	A.A. Abdullah	K.S. Gill
1952-1953	V.A. Mohamed Hussam	K.S. Gill
1953-1956	Ajit Singh	K.S. Gill
1956-1959	Dyalchand Singh	Nari H. Daswani

Sumber : Risalah Perayaan Jubli Intan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor 1989, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, 1989.

Pada awal penubuhan DPIS, Kuala Lumpur merupakan sebahagian daripada wilayah Selangor. Oleh itu pada masa itu hanya ada sebuah dewan perniagaan India sahaja di Selangor, iaitu DPIS. Berikut dengan polisi-polisi kerajaan selepas negara merdeka dan dasar-dasar pembangunan Rancangan Malaysia lima tahun serta Kuala Lumpur diiktiraf sebagai Wilayah Persekutuan, nama Dewan Perniagaan India Selangor telah ditukar kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor (*Kuala Lumpur & Selangor Indian Chamber of Commerce & Industry*) yang dianggotai oleh peniaga-peniaga, pedagang-pedagang,

saudagar-saudagar, pengeluar-pengeluar dan sebagainya dari negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dewan Perniagaan India Perak

Dewan Perniagaan India Perak ditubuhkan kerana timbulnya kesedaran di kalangan peniaga-peniaga dan saudagar India di sekitar Ipoh . Mereka menyedari kepentingan penubuhan sebuah Dewan Perniagaan di sekitar tahun 1933an.³⁸ Pada masa itu komuniti saudagar India di Ipoh mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan India. Selain India mereka juga menjalankan urusan perdagangan dengan banyak negara lain seperti England, Amerika, Eropah, dan Asia. Selain itu peniaga atau saudagar hanya berpengetahuan tentang sesuatu perniagaan atau perdagangan sahaja yang mereka terlibat dan bukan semua peniaga atau pedagang berpengetahuan tentang dunia perdagangan antarabangsa dan juga perdagangan di negeri-negeri Melayu seperti maklumat-maklumat tentang hasil-hasil keluaran Tanah Melayu yang dieksport, barang-barang diimport dan nilai-nilai barang yang diimport dan dieksport dan sebagainya.

Oleh itu mereka mahu sebuah organisasi sendiri untuk menjaga kepentingan serta mengatasi masalah tentang perjalanan, polisi-polisi pentadbiran kerajaan tempatan dan sebagainya. Penubuhan sebuah dewan perniagaan akan membantu para peniaga India untuk mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan bagi memajukan perdagangan mereka. Oleh itu peniaga-peniaga atau saudagar-saudagar di Ipoh menubuhan Dewan perniagaan India Ipoh pada tahun 1937.³⁹

Para peniaga dan pekerja yang telibat dalam perniagaan boleh menjadi ahli Dewan Perniagaan India Ipoh (DPII). Selain mereka yang boleh menjadi ahli DPII ialah pemilik dan pengurus bank, peguam, agen insuran, petani dan juga pekerja-pekerja kedai.⁴⁰

Sebelum Perang Dunia Kedua tercetus, M.O.Abdul Rahim, iaitu pengarah M.M.Hather Batcha dan syarikat (syarikat yang terkemuka pada masa itu) dipilih sebagai presiden dan T.V. Mahalingam, iaitu pemilik *STAR printing works* dipilih sebagai setiausaha.⁴¹ Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu telah mengganggu perjalanan dewan ini. Semasa pentadbiran tentera Britiah (BMA) di Tanah Melayu, DPIP telah mula aktif semula dalam menjaga kepentingan peniaga-peniaga India.⁴² Peranannya akan dibincangkan dalam bab lain.

Selepas Perang Dunia Kedua tamat, Seenikatty menjadi presiden dewan ini. Pada masa itu perdaftaran di bawah Ordinan Pertubuhan (Societies Ordinance 1949) dikuatkuasakan. Secara rasmi dewan ini didaftarkan di bawah Ordinan tersebut pada 23 Mac 1950 dengan nama Dewan Perniagaan India Perak (*Perak Indian Chamber of Commerce*) supaya semua peniaga di Perak boleh menganggotainya.⁴³

Di antara tahun 1953 hingga 1955, DPIP menjadi kurang aktif. Pada 28 April 1955 satu referendum telah ditandatangani oleh kebanyakan peniaga-peniaga utama di Perak untuk mengaktifkan semula DPIP. T.V. Mahalingam, iaitu setiausaha telah memainkan peranan penting dalam memarakkan semangat ahli-ahlinya. Dewan Perniagaan India Perak secara aktif telah mengambil langkah yang positif bagi mengaktifkan dewan dengan mencari ahli-ahli baru, menyewa bangunan dan juga mengupah kerani sambilan untuk menjalankan urusan harian DPIP.⁴⁴

Kejayaan besar DPIP ialah membeli bangunan sendiri. Idea ini timbul semasa pimpinan Govindaraju (Pengerusi *Indian Overseas Bank Ltd.*). Setiausaha DPIP pada itu T.V.Mahalingam serta Tuan Haji Athaulla, Kodi Pillai, R.Arumugam J.P. dan sebagainya telah memainkan peranan penting dalam membeli bangunan sendiri. Wakil-wakil DPIP telah menjadi ahli badan-badan atau jawatankuasa seperti Mahkamah Industri, *Telephone Priorities*

Board, Penang Board Consultative Commission, Penasihat Majlis Kastam Diraja (Royal Customs Advisory Council) dan sebagainya.⁴⁵

Antara objektif-objektif utama penubuhan DPIP ialah:⁴⁶

- a) Memberi dan mengedarkan maklumat tentang perniagaan dan perdagangan semasa seperti barang-barang eksport, diimpor dan sebagainya.
- b) Menyediakan senarai barang-barang yang dikenakan cukai, cukai-cukai yang patut dibayar mengikut jenis-jenis barang dan edarkan kepada ahli-ahlinya.
- c) Memajukan dan mengembangkan perniagaan dan perdagangan ahli-ahlinya serta ahli-ahli membantu para usahawan dan pekerja dengan maklumat yang diperolehinya dari DPIP.
- d) DPIP menjadi perantara antara kerajaan dan peniaga seperti menjadi saluran bagi mengemukakan masalah peniaga kepada kerajaan serta menikmati kelebihan-kelibihan yang diperolehnya melalui perjuangan dewan.
- e) Menyediakan data-data tentang perniagaan dan perdagangan semasa yang dapat membantu para peniaga memajukan perdagangan mereka.

Presiden-presiden dan setiausaha kehormat DPIP telah memainkan peranan penting dalam perkembangannya. Di bawah diberikan senarai presiden dan setiausaha kehormat DPIP.

Jadual 6: Presiden-presiden dan setiausaha kehormat DPIP dari tahun 1937 hingga 1957

Tahun	Presiden	Setiausaha kehormat
1937-1951	M.O.Abdul Rahim	T.V.Mahalingam
1952-1952	S.T.Seenikatty	A. Singaravelu
1955-1958	S.S.Abdul Rahman	T.V.M.Mahalingam.

Sumber :Risalah Golden Jubilee 2001. Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, Kuala Lumpur: Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia, 2001.

Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Melaka

Melaka merupakan pelabuhan awal yang penting bagi perdagangan dari Timur dan juga Barat. Semasa kegemilangan pelabuhan Melaka ramai pedagang-pedagang India telah datang ke Melaka serta Melaka juga mempunyai hubungan rapat dengan India. Ramai peniaga dan pedagang India telah memainkan peranan penting dalam perniagaan dan perdagangan Melaka semasa pemerintahan British, walaupun tidak dominian seperti zaman Kesultanan Melaka.

Pada 24 Mei 1937, peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang di Melaka telah mengadakan satu perjumpaan bagi menubuhkan Dewan Perniagaan India Melaka.⁴⁷ Dalam perjumpaan itu mereka telah memutuskan untuk mengadakan upacara pembukaan rasmi Dewan ini semasa lawatan presiden Parti Kongress India, iaitu Pandit Jawaharlal Nehru ke Tanah Melayu. Sebagaimana yang telah dirancangkan perasmian pembukaan dewan ini telah dibuat oleh Pandit Jawaharlal Nehru pada tahun 1939. Dewan inilah yang mula-mula menggunakan nama Dewan Perniagaan dan Industri India Melaka (*Malacca Indian Chamber of Commerce and Industry*) di kalangan dewan-dewan perniagaan India di Tanah Melayu.⁴⁸

Ahli-ahli jawatankuasa yang dipilih dalam mesyuarat pertama Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Melaka (DPPIM) ialah C.R. Nanji sebagai presiden, Zainab Ismail sebagai timbalan presiden, Zainab Sahid sebagai setiausaha, Moody sebagai penolong setiausaha dan ahli-ahli jawatankuasa yang lain ialah K.B.Nair, Vengadasalam Pillai, V.N.Patel dan Mohamed Sultan.⁴⁹ Di antara pemimpin-pemimpin awal yang telah memainkan peranan penting dalam perkembangan dan kemajuan DPPIM ialah C.R.Nanji, Dato C..M.Seth, K.P.Daud Sultan dan J.M.Gomes. V.N.Patel

PJK.KMN. telah memegang jawatan setiausaha untuk tempoh masa yang panjang.⁵⁰

Pendapat wakil-wakil DPPIM selalu diminta dalam kebanyakan hal-hal yang berkaitan dengan negeri Melaka sebelum dan selepas Tanah Melalyu merdeka. DPPIM membantu komuniti peniaga India di Melaka. Presiden-presiden lama yang telah memainkan peranan penting dalam perkembangan DPPIM ialah S.R.Doshi BKT, J.P.Tuan Haji Jamal Mohammad, J.P dan Dato SKRM Dorairaj DMSM J.P. Wawasan utama DPPIM ialah mengembalikan zaman kegemilangan orang-orang India yang terlibat dalam perniagaan di zaman Kesultanan Melayu Melaka.⁵¹

Tokoh-tokoh

Secara hakikatnya Dewan-dewan Perniagaan India ini tidak akan berkembang maju jika tidak ada mereka yang memberikan sumbangan dalam pembangunannya. Ramai tokoh-tokoh penting yang telah memainkan peranan penting dalam penubuhan dan perkembangan Dewan-dewan Perniagaan India negeri. Oleh kerana tidak dapat memperolehi maklumat-maklumat tentang kesemua tokoh-tokoh penting disebabkan meninggal dunia, tidak ada maklumat tentang mereka serta tidak dapat menemubual dengan mereka yang masih hidup, maka di sini akan dibincangkan beberapa tokoh terutamanya dari Dewan Perniagaan India Selangor yang dapat mencari maklumat dan sumbangan mereka.

Haji R.E. Mohamed Kassim

Haji R.E.Mohamed Kassim adalah pengasas Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor, iaitu nama awal bagi Dewan Perniagaan India Selangor. Haji R.E.Mohamed Kassim yang telah mempengerusikan mesyuarat penubuhan Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor pada tahun 1928. Segala perbelanjaan bagi penubuhan PSSIS telah ditanggung

oleh Haji R.E.Kassim. Haji R.E.Kassim telah menjadi presiden PSSIS semasa penubuhannya sehingga tahun 1931, iaitu sehingga beliau meninggal dunia. Beliau selalu memberikan wang pendahuluan bagi segala aktiviti dewan dengan wangnya sendiri.⁵² Selain wang Haji R.E. Mohamed Kassim juga telah memberikan sumbangan dari segi masa, tenaga dan sanggup memberi nasihat kepada ahli-ahlinya tanpa mengira masa dan mesyuarat-mesyuarat tergempar selalunya akan diadakan di rumahnya.

Pada 9 Ogos 1930 Haji R.E.Mohamed Kassim telah mengarahkan ahli-ahli yang berada di sekitar Kuala Lumpur mencari tapak yang sesuai bagi pembinaan bangunan sendiri PSSIS dengan kos lebih kurang \$12,000. Dalam mesyuarat PSSIS yang terakhir yang dihadiri oleh Haji R.E.Mohamed Kassim, telah dibincangkan tentang tapak yang sesuai bagi pembinaan bangunan PSSIS. Haji R.E.Mohamed berjanji akan menyiapkan bangunan PSSIS. Hasrat Haji R.E.Mohamed Kassim tidak tercapai kerana beliau meninggal dunia pada 3 Julai 1931.⁵³ Ahli-ahli PSSIS yang telah menghadiri upacara pengebumian telah membacakan satu ‘memorandum’ yang mengisahkan tentang ketokohan Haji R.E.Mohamed Kassim. Pada masa itu syarikat-syarikat R.E.Mohamed Kassim terdapat di Kelang, Kuala Lumpur, Port Swettenham (Pelabuhan Kelang), Singapura, Melaka dan Teluk Anson (Teluk Intan).⁵⁴

K.N. Narashima Iyengar

K.N. Narashima Iyengar adalah salah seorang pengasas Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor. Narashima Iyengar telah menjadi ahli Jawatankuasa PSSIS dari masa penubuhannya sehingga dia meninggal dunia. Beliau telah memainkan peranan aktif semasa menjadi ahli jawatankuasa PSSIS. Semasa perjumpaan diadakan dengan Dewan-dewan Perniagaan lain, beliau selalu akan menjadi wakil bagi PSSIS. Beliau juga seorang yang fasih dalam bahasa Inggeris. Narashima Iyenger juga merupakan

pengasas dan pengarang suratkhabar Tamil Nesan yang mulai diterbitkan dari 10 September 1924, iaitu suratkhabar Tamil yang tertua usia di Tanah Melayu. Oleh itu semasa beliau hidup aktiviti-aktiviti PSSIS selalu diterbitkan dalam suratkhabar Tamil Nesan.

K.N.Narasimha Iyengar telah dilahirkan di India pada 3 Julai 1890 dan meninggal dunia pada 4 Februari 1938. Narasimha Iyengar berpendidikan bahasa Tamil dan Inggeris. Dia seorang yang sangat aktif, berfikiran tajam tentang perniagaan dan berpengetahuan luas. Narahimha juga sangat mahir dalam matematik. Oleh itu pada tahun 1912, dia mendapat peluang untuk kerja di Pejabat Audit British di Ranggon. Oleh kerana minat suka membaca dan berdampingan dengan masyarakat, dia berhenti kerja pada tahun 1919. Beliau datang ke Tanah Melayu pada tahun 1920 untuk bekerja bersama abangnya di *Industrial Press* sebagai penolong pengurus dan abangnya sebagai pengurus.

Pada tahun 1921 dari percetakan beliau bekerja telah menerbitkan suratkhabar Tamil yang berjudul ‘Tamilakam’. Pada tahun 1924 beliau membeli pejabat Percetakan Art dan menerbitkan akhbar sendiri, iaitu Tamil Nesan dan untuk seketika telah menerbitkan akhbar bahasa Inggeris ‘*Indian Pioneer*’ tetapi ia dihentikan kerana kurang mendapat sambutan⁵⁵. Narashima Iyenger selalu menerbitkan artikel-artikel tentang PSSIS dalam akhbar Tamil Nesan dan di antara artikelnya adalah ‘Panjaithu’. Artikel itu menerangkan tentang bagaimana kes-kes ‘Panjaithu’ dikendalikan dan diselesaikan oleh PSSIS. ‘Panjaithu’ akan dibincangkan secara mendalam dalam bab kemudian.

Gambar 4 : K.N.Narasimha Iyengar



Sumber: Akhbar Tamil Nesan, 8 Februari 1938.

Struktur Organisasi Dewan-dewan Perniagaan India Negeri dan Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu adalah lebih kurang sama. Maka ia akan dibincangkan dalam bab yang lain.

Kesimpulan

Dewan-dewan Perniagaan merupakan sebuah pertubuhan yang penting bagi golongan peniaga, pedagang dan saudagar di seluruh dunia. Dewan Perniagaan mula-mula ditubuhkan di Eropah dan dari Eropah ia telah berkembang ke seluruh dunia. Di Tanah Melayu penubuhan Dewan Perniagaan telah diperkenalkan oleh pihak British. Dewan Perniagaan yang mula-mula ditubuhkan di Tanah Melayu ialah Dewan Perniagaan orang Eropah dan ia diikuti oleh orang Cina, orang India dan orang Melayu. Setiap kaum menubuhkan Dewan Perniagaan tersendiri kerana pada masa itu mereka ingin mengwujudkan kerjasama di antara kaum masing-masing sahaja . Pada masa yang sama mereka ingin memajukan perniagaan dan perdagangan di kalangan kaum mereka sendiri.

Peniaga-peniaga India menyedari kepentingan penubuhan Dewan Perniagaan India dengan melihat kemajuan dan kejayaan yang dialami oleh kaum-kaum lain melalui Dewan Perniagaan masing-masing. Penubuhan Dewan Perniagaan India akan memudahkan urusan-urusan perniagaan dan perdagangan dengan pihak kerajaan. Selain itu urusan perdagangan antarabangsa juga dapat dijalankan dengan mudah. Dewan Perniagaan India juga dapat mewujudkan perhubungan perdagangan dengan negara-negara lain. Ahli-ahli Dewan Perniagaan India juga dapat membawa masalah yang mereka hadapi kepada Dewan untuk menyelesaikannya.

Pada masa kemelesetan ekonomi, peniaga-peniaga India bertindak segera untuk menubuhkan Dewan Perniagaan India di negeri masing-masing

untuk menjaga kepentingan dan kebajikan mereka. Pada mulanya Dewan-dewan Perniagaan India hanya ditubuhkan di Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Selepas Tanah Melayu merdeka, Dewan-dewan Perniagaan India telah ditubuhkan di negeri-negeri lain. Dewan-dewan Perniagaan India yang pertama ditubuhkan di Tanah Melayu ialah di Pulau Pinang. Kemudian ia ditubuhkan di negeri-negeri Selangor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan. Ramai tokoh telah memainkan peranan penting dalam penubuhan dan kemajuan sesebuah Dewan Perniagaan India.

Penubuhan Dewan-dewan Perniagaan India Negeri-negeri di Tanah Melayu merupakan langkah penting yang diambil oleh para pedagang, saudagar dan peniaga India untuk menjaga kepentingan perdagangan mereka serta memajukan perniagaan mereka. Dewan-dewan Perniagaan India sejak ia ditubuhkan telah terus berkembang maju sehingga sekarang dan telah memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan ekonomi pedagang-pedagang India

Nota Hujung:

-
- ¹ Bruce Gale, A 150 Years History of Malaysian International Chamber of Commerce and Industry, Kuala Lumpur: The Malaysian International Chamber of Commerce And Industry, 1987, hlm.10.
 - ² Ibid.
 - ³ Ibid.
 - ⁴ Ibid., hlm. 2.
 - ⁵ Ibid.
 - ⁶ Tamil Nesan, 21.12.1935, Vol.12, No.44, hlm.26.
 - ⁷ Tamil Nesan, 20.2.1932, Vol.8, No. 53., hlm.8.
 - ⁸ Tamil Nesan, 2.4.1932, Vol.8, No.60., hlm. 4.
 - ⁹ Bruce Gale, op.cit., hlm.2.
 - ¹⁰ Golden Jubilee 2001, Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce & Industry, Kuala Lumpur: Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce & Industry, 2001, hlm. 22.
 - ¹¹ Ibid.
 - ¹² Panduan Rekod-rekod Persendirian Arkib Negara Malaysia Jilid IV, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1997, hlm.14.
 - ¹³ Ibid., hlm.45.
 - ¹⁴ Golden Jubilee Souvenir 1976 History of The Malaysian Indian Chamber of Commerce and Industry Penang, Pulau Pinang: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Pulau Pinang, 1976, hlm.1.
 - ¹⁵ Panduan Rekod-rekod Persendirian Arkib Negara Malaysia Jilid IV, op.cit., hlm.43.
 - ¹⁶ Golden Jubilee Souvenir 1976 History of The Malaysian Indian Chamber of Commerce and Industry Penang, op.cit., hlm.1.
 - ¹⁷ Ibid.
 - ¹⁸ Ibid., hlm. 2.
 - ¹⁹ Ibid.
 - ²⁰ Tamil Nesan, 5.10.1932, Vol.8.,No.94, hlm.3.
 - ²¹ Perayaan Jubli Intan.. Dewan Perniagaan & Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan & Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, 1989(Tiada berhalaman)
 - ²² Tamil Nesan, 23.3.1932, Vol.8, No. 56, hlm.1.
 - ²³ Ibid.
 - ²⁴ Ibid.
 - ²⁵ Ibid.
 - ²⁶ Ibid.
 - ²⁷ Ibid.
 - ²⁸ Ibid.
 - ²⁹ Tamil Nesan, 26.4.1933, Vol.9, No.63, hlm.2.
 - ³⁰ Ibid.
 - ³¹ Tamil Nesan, 5.7.1933, Vol.9, No.83, hlm.1.
 - ³² The Indian, 10.4.1937, No.68, hlm.8.
 - ³³ Ibid., hlm.5
 - ³⁴ Golden Jubilee 2001, Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, op.cit., hlm.28.
 - ³⁵ Ibid., hlm.18.
 - ³⁶ Ibid., hlm.28.
 - ³⁷ Ibid., hlm. 27.
 - ³⁸ Tamil Nesan, 20.9.1933, Vol.10, No.3., hlm.5.

-
- ³⁹ .Golden Jubilee 2001, Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, op.cit.,hlm. 31.
- ⁴⁰ . Tamil Nesan, 20.9.1933, Vol..3, No.3, hlm. 5
- ⁴¹ . Golden Jubilee 2001, Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, op.cit., hlm. 32.
- ⁴² . Ibid., hlm.31.
- ⁴³ . Ibid.
- ⁴⁴ . Ibid.
- ⁴⁵ . Ibid.
- ⁴⁶ . Ibid.
- ⁴⁷ . Tamil Nesan, 31.5.1937, Vol.13, No.168, hlm.2.
- ⁴⁸ . Golden Jubilee 2001, Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, op.cit., hlm. 33.
- ⁴⁹ . Tamil Nesan, 31.5.1937, op.cit., hlm.3.
- ⁵⁰ . Golden Jubilee 2001, Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, op.cit., hlm. 200.
- ⁵¹ . Ibid.
- ⁵² . Tamil Nesan, 23.3.1932,Vol.8, No.56, hlm.5.
- ⁵³ . Ibid.
- ⁵⁴ . Maklumat-maklumat tentang Haji R.E.Mohamed Kassim diperolehi daripada suratkhabar Tamil Nesan pada tahun 1932.
- ⁵⁵ . Tamil Nesan, 8.2.1938, Vol.14, No.124, hlm.1.